

PERSEDIAAN UNTUK BEKERJA SEBAGAI JURUTERA

Mohd Khairul Azizat Johari
Facility Management Department,
Marine & Engineering Building,
Johor Port Berhad, 81707 Pasir Gudang, Johor.
azizat@johorport.com.my

ABSTRACT

Dalam kertas kerja ini, penulis memberi beberapa pandangan yang boleh digunakan oleh para pelajar sebagai persediaan bekerja sebagai seorang jurutera. Pelajar perlu bermula seawal semester pertama lagi. Walaubagaimanapun, masih belum terlambat untuk memulakan persediaan sebagai seorang jurutera pada tahun tiga dan empat. Ini kerana kebanyakan kursus khusus kejuruteraan akan diajar pada dua tahun terakhir tersebut. Pada waktu ini, kebanyakan kursus umum dan universiti telah dihabiskan. Ini memberi peluang kepada pelajar untuk fokus kepada kursus bidang kejuruteraan.

KEYWORD

Research work, experience as engineer, sharing session, new things, innovating solutions

PERANCANGAN DI FAKULTI DAN KOLEJ KEDIAMAN

Pelajar dinasihatkan untuk mendapat mata CGPA yang terbaik, sekurang-kurangnya melebihi 3.5 ke atas, atau sekurang-kurangnya 3.0. Ini kerana kebanyakan syarikat akan memberi perhatian kepada pelajar tersebut dalam panggilan temuduga kerja. Walaubagaimanapun mata CGPA bukanlah satu-satunya perkara yang dinilai oleh mereka. Pihak industri juga akan melihat keterlibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum yang lain. Oleh itu, penulis menasihatkan pelajar juga membahagikan masa dalam mengejar keputusan peperiksaan dan mata CGPA yang baik dengan penglibatan aktiviti sosial di kampus.

Sekarang ini, banyak aktiviti dianjurkan oleh pihak Fakulti dan Kolej Kediaman. Antara yang memerlukan penglibatan pelajar dengan jumlah yang ramai ialah penganjuran Pesta Konvokesyen universiti. Keterlibatan dalam penganjuran Pesta Konvokesyen banyak memberi peluang untuk pelajar bergaul dengan pelajar dari pelbagai fakulti. Ini mengasahkan "communication skills" dan kebolehan pelajar untuk membuat kerja secara berpasukan. Dalam masa yang sama, ini memupuk semangat masyarakat majmuk dan belajar untuk menerima pendapat orang lain. Sekali lagi penulis menekankan disini, pelajar perlu bijak membahagikan masa supaya tidak ketinggalan dalam kursus yang dihadiri di Fakulti.

Sewaktu menjayakan program anjuran university, pelajar dapat belajar cara untuk menguruskan satu projek yang besar. Pelajar mula faham yang kita perlu bekerjasama dalam keadaan yang hormoni supaya program tersebut dapat dilaksanakan. Kelewatan satu bahagian boleh menyebabkan kegagalan untuk menyiapkan keseluruhan program. Dalam situasi ini, menyalahkan pihak yang satu lagi bukanlah satu pilihan yang bijak. Sebagai satu pasukan, kita perlu belajar untuk saling membantu dan menguatkan organisasi kita.

Perancangan masa amat penting. Ia perlu dimulakan dengan menyediakan pelan yang baik. Mesyuarat atau perjumpaan perlu sering diadakan. Komitmen antara ahli yang terlibat amat ditagih. Semestinya, dalam satu program yang besar, tidak semua perancangan dapat dijayakan dengan mudah. Pasti ada halangan dan kegagalan yang berlaku. Oleh itu, pelajar dinasihatkan untuk pandai menguruskan tekanan atau "stress" yang berlaku. Antara yang paling mudah dilakukan ialah bersukan disebelah petang atau sekurang-kurangnya makan Bersama ahli kumpulan. Berbual-bual dapat mengurangkan stress dan jika bernasib baik, mungkin idea yang lebih baik akan datang pada ketika itu. Penyertaan sebagai Jawatankuasa Pesta Konvokesyen memberi banyak peluang untuk berinteraksi dengan pihak industri. Pelbagai cabaran dapat

dirasai. Kita juga dapat belajar cara berhubung dengan pihak industri, gaya penulisan surat rasmi dan lenggok bahasa yang perlu digunakan.

Pada tahun akhir, pelajar digalakkan untuk mula membuat "Curriculum vitae" (CV) mereka sendiri. Terdapat dua jenis CV ialah CV ringkas dan CV penuh. Ada syarikat yang hanya memerlukan CV ringkas untuk permohonan kerja dan sesi temuduga. Ketika ini, pelajar perlu bijak untuk hanya memasukkan aktiviti yang memberi impak kepada syarikat yang dipohon. Tidak digalakkan untuk pelajar menyimpan semua maklumat secara atas talian. Ada kelebihan sekiranya pelajar membawa Salinan kerana pihak syarikat tidak mempunyai banyak masa untuk membuat semakan melalui email atau secara maya.

Pada tahun akhir, pelajar akan mengambil kursus Projek Sarjana Muda (PSM). Pelajar digalakkan untuk mengambil tajuk PSM yang diminati oleh pelajar. Ini kerana pelaksanaan PSM adalah bergantung sepenuhnya kepada minat pelajar. Pelajar yang akan menyediakan masa sendiri yang melaksanakan ujikaji, membuat temujanji dengan penyelia dan membuat rujukan di perpustakaan dan sebagainya. Pelajar juga boleh meminta pandangan daripada penyelia industri ketika Latihan Industri pada semester pendek berkenaan dengan tajuk PSM yang sesuai. Menjadi satu kelebihan sekiranya tajuk PSM tersebut mempunyai kaitan dengan industry, lebih lagi yang turut sama diselia oleh penyelia industry. Pelajar ada hak untuk berbincang dengan pensyarah untuk mendapatkan tajuk PSM yang diminati oleh pelajar. Cuma, pelajar perlu rajin datang berbincang dengan penyelia.

KERJAYA SEBAGAI JURUTERA

Sebagai seorang graduan dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik (Mekatronik), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, penulis memulakan kerjaya di Pelabuhan Johor (Johor Port) di Pasir Gudang, Johor. Cara bekerja seorang jurutera amat berbeza dengan kehidupan di kampus. Segalanya perlu disiapkan dengan teliti dan dalam masa yang telah ditetapkan. Tiada istilah minta dipanjangkan tempoh penghantaran sebagaimana yang selalu diminta oleh pelajar kepada pensyarahnya ketika menyiapkan tugas di universiti. Ini yang perlu dititikberatkan oleh pelajar. Bahkan ada ketikanya, ketua anda akan meminta laporan lebih awal. Anda perlu bersedia sepanjang masa.

Seorang jurutera baharu memang tidak lari daripada melakukan kesilapan, tetapi percayalah, kesilapan itulah yang mematangkan kita sebagai seorang jurutera. Kita perlu sering bertanya dan dapatkan pendapat dan nasihat daripada jurutera senior di syarikat kita bekerja. Mereka akan membantu kerana kejayaan menyiapkan sesuatu projek tanpa masalah merupakan satu kepuasan sebagai seorang jurutera. Penulis pada mulanya tidak pasti dengan stigma ini, tetapi setelah berjaya menyiapkan tugas pertama dengan jayanya, segala penat lelah sebelum ini seolah-olah hilang sekelip mata. Nasihat penulis kepada semua jurutera baharu untuk tidak membuat sebarang kesalahan disiplin dan etika. Ini yang paling utama, kerana ini akan merosakkan bukan sahaja kerjaya anda tetapi lebih buruk lagi, ia akan merosakkan kehidupan dan maruah anda.

Sebagai seorang jurutera, penulis berazam untuk menjadi jurutera professional. Untuk pengetahuan semua, semua graduan kejuruteraan WAJIB untuk mendaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) selepas mendapat Ijazah Kejuruteraan. Terdapat tiga laluan untuk tujuan ini. Penulis memilih laluan A iaitu dengan penghantaran laporan kerjaya dan peperiksaan oleh BEM. Penulis menasihatkan pelajar untuk turut sama bergiat aktif dengan pelbagai persatuan yang bersifat kejuruteraan walaupun telah tamat pengajian. Antara yang boleh disertai ialah Technological Association Malaysia (TAM), Malaysian Society for Engineering & Technology (MySET) dan Institut Jurutera Malaysia (IEM). Penyertaan dalam aktiviti yang dianjurkan oleh mereka membuat lebih banyak peluang untuk berkenalan dengan jurutera dari pelbagai bidang dan latarbelakang. Mereka akan berkongsi idea dan peluang dalam membina kerjaya sebagai seorang jurutera dengan lebih lagi. Dalam masa yang sama, cuba dapatkan pengiktirafan profession daripada Malaysia Board of Technologists (MBOT) dan Institute of Materials, Malaysia (IMM).

KERJAYA JURUTERA DI MASA HADAPAN

Persaingan dalam industri begitu mencabar, begitu juga dengan kerjaya sebagai seorang jurutera. Penulis menasihatkan semua tidak mudah putus asa dalam mengejar cita-cita sebagai seorang jurutera professional. Cuba sediakan perancangan untuk jangkamasa lima tahun akan datang supaya persediaan boleh dibuat dengan sempurna. "Fokus" mungkin menjadi salah satu kata kunci utama sebagai seorang jurutera. Setiap rintangan pasti ada jalan keluar. Sekiranya kita fokus terhadap masalah yang dihadapi, dengan izin Tuhan pasti ada penyelesaiannya, sekurang-kurangnya cara untuk mengurangkan risiko kerosakkan yang berlaku. Berilah yang terbaik dalam setiap pekerjaan yang kita lakukan.